

01 AUG 1998

Rahim-Saman

RAHIM SAMAN MAJALAH TIME DAN EXCO PEMUDA UMNO RM70 JUTA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik hari ini mengemukakan dua saman malu berjumlah RM70 juta terhadap majalah Time dan Exco pergerakan pemuda Umno Haji Roslan Kassim dari Negeri Sembilan.

Kedua-dua saman itu dikemukakan di Mahkamah Tinggi di sini pagi ini melalui Tetuan Puthucheary, Firoz dan Asmet, kata Abdul Rahim pada sidang berita di sini.

Abdul Rahim berkata gantirugi sebanyak RM55 juta dikemukakan terhadap majalah Time kerana penerbitan satu artikel bertajuk "One Angry Man" pada 15 Jun lalu yang juga mengandungi tajuk utama "How Malaysia Throttles Dissent" yang turut mengaitkan beliau.

Beliau menyaman Roslan, yang juga ketua pemuda Umno Negeri Sembilan, sebanyak RM5 juta untuk fitnah dan RM10 juta untuk fitnah bertulis kerana kenyataan yang dibuatnya pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini yang antara lain mengaitkan Abdul Rahim dengan penerbitan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak boleh Jadi PM".

Abdul Rahim berkata majalah Time telah memusnahkan integriti kerajaan Malaysia dan pentadbiran keadilan dengan menjadikan kes tohmahan skandal seks terhadapnya sebagai rujukan.

Rahim menamakan Penerbit TIME Magazine Edisi Asia John Marcom; TIME Inc, Asia, Penerbit TIME Magazine, Edisi Asia; Penyunting TIME Magazine Edisi Asia Donald Morrison; dan Wartawan David Leibhold sebagai defendan-defendan dalam samannya itu.

Menurut salinan writ saman yang diedarkan kepada pemberita, artikel itu, yang juga telah ditempatkan di dalam Internet, bermaksud merujuk kepadanya antara lain sebagai bersalah bagi merogol atau rogol statutori, bersalah bagi rasuah, tidak didakwa bagi kesalahan-kesalahan itu oleh pentadbiran Mahathir.

"Saya telah mengarahkan peguam-peguam saya membuat apa sahaja untuk membolehkan perbicaraan ini dipercepatkan memandangkan ia menyentuh kepentingan umum di mana tohmahan-tohmahan yang dibuat telah menjejaskan kewibawaan kerajaan di saat-saat genting ini dan maruah serta reputasi saya...", katanya.

Rahim yang ditemani beberapa pembantu pada persidangan berita itu, berkata kes itu adalah pelik dan zalim terhadapnya kerana di dalam mencapai matlamat komersil dan agenda politik, beliau telah "dimusnah dan dihancurkan" atas perkara yang beliau tidak pernah didakwa atau dihukum oleh mahkamah.

Beliau berasa dicerca, dimalukan, dilabel sebagai penjenayah, sebagai seorang Islam yang tidak baik yang kesemuanya dibuat di peringkat negara dan antarabangsa.

Rahim yang juga bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata beliau dan keluarganya menderita dan terhina secara berpanjangan.

"Saya berpendapat adalah perlu dan wajib rakyat dan negara, melalui kes ini, mengetahui dengan sejelas-jelasnya sebab-sebab sebenar dan alasan-alasan yang konkrit kenapa Peguam Negara tidak mendakwa saya sepertimana yang pernah dituduh dan dibicarakan oleh media massa secara tidak adil ke atas saya," katanya yang membaca daripada kenyataan akhbar tiga muka surat.

Mengenai samannya terhadap Roslan, beliau berkata peguamnya juga telah diarah mendapatkan tarikh perbicaraan yang segera supaya semua tohmahan

yang dilemparkan ke atasnya dapat dilupuskan.

Menurutnya, beliau telah memperolehi salinan pita video rakaman ucapan Roslan pada perhimpunan agung Umno itu dan writ samannya turut memetik setiap patah ucapan itu.

Katanya, beberapa kesan yang timbul ke atasnya akibat daripada ucapan itu termasuklah beliau bertanggungjawab bagi penerbitan dan edaran buku 50 dalil itu, menolong penerbitan dan edaran, bersalah menggunakan cara sulit untuk menjatuhkan kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Umno dan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Rahim berkata beliau juga dirujuk sebagai cuba menjejaskan ketenteraman dan perjalanan Umno, sebagai anggota Umno yang tidak setia, cemburu kuasa, bersalah kerana cuba menjatuhkan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan melaga-lagakan Mahathir dan Anwar.

Ketika menjawab soalan pemberita, beliau berkata writ-writ saman itu telah diserahkan kepada defendan-defendan pagi ini sebaik sahaja kedua-duanya didaftarkan di mahkamah.

Ketika ditanya sama ada Roslan cuba menghubunginya untuk meminta maaf, beliau berkata setakat ini tidak ada pihak defendan yang cuba memohon maaf walaupun beliau telah menghantar surat menuntut mereka memohon maaf kepadanya pada 13 Julai.

Ditanya sama ada ucapan Roslan pada perhimpunan agung Umno itu dilindungi apa-apa imuniti, beliau berkata tidak ada imuniti diberikan oleh undang-undang kecuali di Parlimen dan pihak yang bertanggungjawab perlu menanggung akibat tindakan undang-undang.

"Saya juga akan mengemukakan tindakan yang sama terhadap parti DAP kerana telah juga menggunakan nama saya ke sana ke sini," katanya, tanpa mengulas lanjut.

Rahim berkata beliau juga telah mendaftar untuk mendapatkan perintah injunksi bagi menghalang defendan-defendan daripada terus mencetak, menulis atau menyebarkan apa-apa mengenainya.

-- BERNAMA
MNY AKD